

26 OCT 2000

Mustapa-Pembangkang

PELABURAN ASING KE MALAYSIA TIDAK TERJEJAS, KATA MUSTAPA

KOTA BAHARU, 26 Okt (Bernama) -- Tindakan pemimpin pembangkang memburuk-burukkan imej pemimpin kerajaan dan Malaysia di luar negara tidak akan menjejaskan kemasukan pelaburan asing ke negara ini, kata Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan Datuk Mustapa Mohamed.

Katanya aliran masuk pelaburan asing sebenarnya berkait rapat dengan kedudukan ekonomi negara iaitu apabila ekonomi pulih maka dengan sendirinya pelaburan bertambah.

"Pembangkang memang suka menabur fitnah, itu kerja yang tak patut mereka lakukan, mereka cuba sabotaj negara tetapi gerakan itu gagal kerana negara luar memahami Malaysia," katanya.

Pemimpin, pelabur dan rakyat luar negara tidak percaya dengan gerakan pembangkang ini, katanya kepada pemberita selepas menutup kursus kepimpinan dan keselamatan zon timur di sini, hari ini.

Mustapa, yang juga Ketua Penerangan Umno, berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan pemimpin parti pembangkang yang bertindak memburuk-burukkan imej negara termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa di luar negara.

"Walaupun ada yang termakan dengan fitnah mereka tetapi kebanyakan negara asing melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang berpotensi, sebuah negara dengan kerajaan yang mampu mentadbir dan menguruskan politik yang rumit," kata Mustapa.

Katanya, jumlah pelaburan asing ke negara ini dijangka terus bertambah berikutan wujudnya keyakinan yang kukuh terhadap pemulihan ekonomi.

"Kita mampu menangani segala cabaran dan masalah tanpa apa-apa campur tangan atau bantuan daripada pihak luar," katanya.

-- BERNAMA

BD RAR AKD